

# Qari Iran, Qariah Malaysia Johan Tilawah Al-Quran Antarabangsa

KUALA LUMPUR 31 Okt. — Qariah Malaysia, Pasiah Hashim dan qari Iran, Mas'ud Sayah Gorji muncul johan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-43 yang berakhir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Pasiah, dari Selangor meraih 95.08 markah manakala Mas'ud memperoleh 90.25 markah.

Naib johan qari dan qariah disandang oleh Abd. Ghani Hashim dari Malaysia dan Erry Shahriyah dari Indonesia.

Abd. Ghani memperoleh 88 markah manakala Erry mendapat 90.08 markah.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh peserta Brunei Darussalam, Mudim Metasim Metussim (86.17 markah) dan Jintana Wongsahag

dari Thailand (85.25 markah).

Keputusan tilawah diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Mohamad Shahir Abdullah yang juga Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) malam ini.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima hadiah berupa piala pusingan, piala iringan, wang tunai RM15,200, cenderamata dan sijil.

Naib johan pula mendapat RM11,400, cenderamata dan sijil manakala tempat ketiga menerima RM7,600, cenderamata dan sijil.

## Hadiah

Para peserta dihakimi oleh pengadil dari Libya, Mesir, Indonesia, Thailand, Brunei, Iraq, Arab Saudi dan Malaysia.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Permaisuri Nur Zahirah turut berangkat pada majlis penyampaian hadiah itu.

Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ini.

Seramai 50 peserta (33 qari dan 17 qariah) dari 33 negara mengambil bahagian pada tilawah kali ini yang bertemakan 'Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah' bermula pada 25 Oktober lalu.